

**TATACARA GUGUR/TAMBAH KURSUS
SEMESTER PERTAMA SESI 2024/2025 (A241)**

Tarikh: 6 Oktober 2024 – 10 Oktober 2024
Kaedah: Secara dalam Talian (Portal Pelajar)
<https://register.uum.edu.my>

1.0 MAKLUMAN KEPADA PELAJAR

- 1.1 Kursus-kursus pada Semester Pertama Sesi 2024/2025 (A241) akan dijalankan secara bersemuka.
- 1.2 Minggu Gugur/Tambah Kursus Semester Pertama Sesi 2024/2025 (A241) akan dilaksanakan secara dalam talian melalui : <https://register.uum.edu.my> .

1.3 Gugur/Tambah Kursus secara dalam talian mulai (6 Oktober 2024 – 10 Oktober 2024):

Semua pelajar aktif adalah layak untuk membuat Gugur/Tambah Kursus secara dalam talian seperti jadual berikut:-

SEMESTER SEMASA (A241)	TEMPOH GUGUR/TAMBAH			
	TARIKH MULA	MASA MULA	TARIKH TAMAT	MASA TAMAT
7 dan ke atas	6 Oktober 2024	12.00 tengah hari	7 Oktober 2024	10.00 pagi
5 dan 6	7 Oktober 2024	12.00 tengah hari	8 Oktober 2024	10.00 pagi
3 dan 4	8 Oktober 2024	12.00 tengah hari	9 Oktober 2024	10.00 pagi
2	9 Oktober 2024	12.00 tengah hari	10 Oktober 2024	10.00 pagi

Semua komponen struktur program akan dibuka pada minggu gugur/tambah kursus secara dalam talian.

- 1.4 Pelajar yang **gagal mendaftar** kursus mengikut struktur pengajian yang telah ditetapkan, diminta menghubungi Pusat Pengajian masing-masing. **Pelajar-pelajar berikut juga perlu** menghubungi Pusat Pengajian masing-masing:
- Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat/Mengulang/Gagal tetapi dipanggil semula;
 - Pelajar yang menanggunghkan pengajian (bagi semester sebelumnya).

2.0 PERATURAN DAN TEMPOH

- 2.1 Pelajar yang mempunyai **TUNGGAKAN HUTANG** sehingga semester **A232 TIDAK DIBENARKAN** membuat gugur/tambah kursus. Gugur/tambah kursus hanya dibenarkan sekiranya tunggakan hutang berkenaan dijelaskan sepenuhnya dan pembayaran **TUNGGAKAN HUTANG** perlulah dijelaskan dalam tempoh minggu pertama semester A241 sahaja.

2.2 Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Pengajian untuk Program Sarjana Muda Perkara 8.2 dan 8.3 dalam Buku Panduan Akademik yang menetapkan:

Perkara 8.2:

“Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika beliau tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti”

Perkara 8.3:

“Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.”

2.3 Sepanjang Minggu Gugur/Tambah Kursus, Jadual Waktu Kuliah boleh dicapai di dalam portal masing-masing.

2.4 Permohonan untuk mengambil kursus lebihan jam kredit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dipohon dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Portal Pelajar** mulai **6 Oktober 2024 (Ahad) – 10 Oktober 2024 (Khamis)**. Sebarang penambahan kursus lebihan jam kredit adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) Pelajar semester akhir **SAHAJA**;
- ii) PMK terakhir adalah 2.50 dan ke atas;
- iii) Lebihan jam kredit hanya 3 kredit sahaja;
- iv) Tertakluk kepada kekosongan tempat;
- v) Bayaran dikenakan sebanyak RM40.00 untuk 1 jam kredit (bayaran dijelaskan selepas permohonan diluluskan).

2.5 Permohonan Kursus Audit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dibuat dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Portal U-Assist** mulai **6 Oktober 2024 (Ahad) – 10 Oktober 2024 (Khamis)**. Tiada bayaran dikenakan.

**Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Universiti Utara Malaysia**